# MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35

## - Laporan Tindakan Susulan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali Ke-32

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **Minit 32.2** | **Perkara-perkara Berbangkit**<br><br>(a) Minit 31.2 (a)(i) – mengambil perhatian laporan daripada Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) iaitu:<br>i. mengenai penerimaan maklumbalas Semakan Piagam Pelanggan daripada Peneraju utama sahaja iaitu Siswazah, Pra Siswazah, dan Penyelidikan dan Inovasi. Manakala tiada sebarang maklumbalas daripada proses sokongan;<br>ii. bengkel Piagam Pelanggan sebagai Objektif Kualiti akan diadakan pada 12 April 2017 bagi menyelaras semua Piagam Pelanggan PTJ;<br>iii. Pencapaian Piagam Pelanggan perlu dilapor setiap bulan;<br>iv. Piagam Pelanggan akan turut dijadikan penilaian dalam Anugerah Penarafan Bintang. | **PKPU** | i. Surat pelaporan telah dimajukan kepada PTJ pada 9 Jun 2017.<br>ii. Bengkel telah dilaksanakan pada 12 April 2017.<br>iii. Surat pelaporan telah dimajukan kepada PTJ pada 9 Jun 2017.<br>iv. Kriteria piagam pelanggan telah dibentangkan semasa sesi pembentangan Kriteria Anugerah Bintang pada 13 April 2017 di Auditorium Kejuruteraan. |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS PELAKSANAAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(c) Minit 31.3 (d) (i) – mengambil perhatian Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) sedang membuat analisis berkaitan kelewatan pelajar menduduki viva berdasarkan kepada faktor pemeriksa luar dan dalam negara dan juga peringkat pengajian (PhD/Master). Perincian laporan akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang.</td><td>SPS</td><td>Analisis Kelewatan Pelajar Menjalani Viva (SEPTEMBER 2015 - JULAI 2016)<br><br>
<table>
<tr><th>Sebab Kelewatan</th><th>%</th><th>Bilangan</th></tr>
<tr><td>Kelewatan mengemukakan laporan:<br>Pemeriksa Luar<br>Pemeriksa Dalam<br>Pemeriksa Luar & Dalam</td><td>16.30%<br>39.70%<br>35.50%</td><td>50<br>122<br>109</td></tr>
<tr><td>Pelantikan Semula</td><td>1.60%</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Lain-lain (Proses aturan viva, pelajar mohon tangguh)</td><td>6.80%</td><td>21</td></tr>
</table>
<br>Tindakan pembetulan: Sistem tesis online telah dibangunkan dan dijangka siap pada September 2017 bagi memudahkan proses tesis dan viva voce.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS PELAKSANAAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(d) Minit 31.3 (d) (ii) – meminta Pejabat Bursar melaporkan status tindakan berkaitan pengeluaran surat peringatan kepada pembekal yang memperolehi skor penilaian prestasi kurang memuaskan serta mengadakan taklimat kepada semua pembekal yang berdaftar dengan UPM berkaitan perkara ini. Pembekal yang masih memperolehi skor penilaian prestasi kurang memuaskan setelah diberi surat peringatan akan disekat daripada mendapat sebarang kerja/projek perolehan di UPM</td><td>Pejabat Bursar</td><td>Penilaian Prestasi Pembekal di laksanakan 2 kali setahun berdasarkan kepada Arahan Kerja Penilaian Prestasi Syarikat. Bagi pembekal yang memperolehi skor penilaian kurang daripada 50%, Seksyen Perolehan akan mengadakan perjumpaan untuk mengenalpasti punca masalah antara syarikat dengan PTJ terlibat.<br><br>Maklumat perjumpaan syarikat yang memperolehi skor penilaian kurang daripada 50%, bagi penilaian tahun 2016 adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><td>Penilaian</td><td>Tarikh</td><td>Bil Syarikat</td></tr><tr><td>Jan-Jun</td><td>30/8/16</td><td>8</td></tr><tr><td>Jul-Dis</td><td>1/2/17</td><td>11</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td></td><td>19</td></tr></table><br>Mulai tahun 2017, mana-mana syarikat yang memperolehi skor penilaian kurang daripada 50%, secara berturut turut untuk perolehan dan PTJ yang sama, surat peringatan beserta notis teguran untuk sekatan akan dikeluarkan kepada syarikat tersebut.<br><br>Seksyen Perolehan Pejabat Bursar akan meneliti cadangan untuk membuat sekatan ke atas syarikat selepas surat peringatan dikeluarkan</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | (g) Minit 31.5 (c) – mengambil perhatian pemantauan Objektif ISMS kali pertama tahun 2017 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-31 pada 17 Februari 2017 manakala pemantauan kali kedua akan dilaksanakan selepas aktiviti pendaftaran pelajar baharu Sesi Pertama 2017/2018 dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang terdekat selepasnya. | **TWP ISMS** | Pemantauan Objektif ISMS akan dilaksanakan selepas aktiviti kemasukan pelajar baharu sesi 2017/2018 pada bulan September 2017. |
| | (i) Minit 31.6 (e) – mengambil perhatian supaya satu ruangan komen/cadangan diwujudkan dalam borang soal selidik secara atas talian pada masa akan datang bagi memberi ruang kepada responden memberikan maklum balas dan membantu pihak Universiti dan urusetia untuk membuat penambahbaikan ke atas proses sedia ada. Mesyuarat meminta supaya Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu/Jawatankuasa Minggu Suai Kenal mengambil tindakan untuk pelaksanaan soal selidik sesi akan datang. | **TWP ISMS** | Pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 akan dilaksanakan secara dua (2) kategori, iaitu:<br><br>i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh peneraju pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (Serdang dan Bintulu) semasa sesi kemasukan Jun dan September 2017. Penilaian diteruskan kepada pelajar baharu prasiswazah sehingga pihak berkepentingan yang bersesuaian dikenalpasti; dan<br><br>ii) Soal selidik kepada PTJ yang menerima perkhidmatan ICT di UPM oleh Peneraju Pusat Data semasa sesi kemasukan September 2017. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | (o) Minit 31.12 – mengambil perhatian rancangan tindakan bagi pengekalan pensijilan ISO tahun 2017. Mesyuarat meminta memaklumkan tarikh penting berkaitan pelaksanaan ISO kepada Ketua PTJ. | **Pusat Jaminan Kualiti (CQA)** | Pemakluman tarikh-tarikh penting tindakan pengekalan ISO dimaklumkan kepada Ketua PTJ melalui Mesyuarat Pegawai Kanan bertarikh 10 Julai 2017. |
| **Minit 32.3** | **Laporan Dokumentasi**<br><br>(c) meminta Peneraju Proses (Timbalan Wakil Pengurusan dan Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses) melaksanakan semua perkara yang dinyatakan dalam Borang Cadangan Pindaan/ Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) setiap kali adanya perubahan/ tambahan dokumen ISO dan mematuhi tarikh penting dalam jadual tindakan kuatkuasa dokumen bagi memastikan proses kuatkuasa dokumen ISO dapat dilaksanakan dengan lancar. | <br><br>**TWP PP dan TPKD PP** | <br><br>**TWP PP (KOLEJ KEDIAMAN)**<br>Telah diambil tindakan. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **Minit 32.4** | **Laporan Audit**<br><br>(b) mengambil perhatian berhubung tarikh penting pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan tahun 2017 dan memohon PTJ membuat hebahan kepada warga PTJ masing-masing supaya tidak bertindih dengan program PTJ. | **Semua TWP** | **<u>TWP FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN</u>**<br>Telah diambil tindakan. Diberi notis melalui email dan poster.<br><br>**<u>TWP FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN</u>**<br>Telah dimaklumkan dalam:<br>i. Mesy. JK Pengurusan Fakulti Bil. 9/2017 pada 3 Mei 2017;<br>ii. Mesy. JK Penyelaras Kualiti Fakulti Bil.1/2017 pada 4 Mei 2017;<br>iii. emel kepada semua staf 8 Mei 2017;<br>iv. surat kepada semua staf 30 Mei 2017.<br><br>**<u>TWP FAKULTI KEJURUTERAAN</u>**<br>Telah dimaklumkan kepada PTJ melalui buletin dan taklimat Dekan serta memohon semua warga fakulti membuat semakan bagi memenuhi keperluan standard dan prosedur.<br><br>**<u>TWP PP (KOLEJ KEDIAMAN)</u>**<br>Telah dibuat hebahan oleh TPAD Kolej. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | | | **<u>TWP PP (FAKULTI PERUBATAN VETERINAR)</u>**<br><br>Telah membuat hebahan melalui email kepada warga Fakulti Perubatan Veterinar pada 7 Jun 2017 bagi audit Dalaman EMS ISO 14001 dan pada 6 Julai 2017 bagi Audit Dalaman QMS ISO 9001:2015.<br><br>**<u>TWP IPSAS</u>**<br>Telah memaklumkan:<br>i. Ahli pengurusan IPSAS melalui Mesyuarat Pengurusan kali ke-96 pada 28 Mac 2017 (edaran Takwim Aktiviti Kualiti UPM 2017)<br>ii. Menampal Takwim Aktiviti Kualiti UPM bagi tahun 2017 di papan kenyataan IPSAS.<br><br>**<u>TWP INSTITUT PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA</u>**<br>Diambil maklum dan telah diambil tindakan<br><br>**<u>TWP iDEC</u>**<br>Hebahan melalui emel kepada semua staf iDEC (10 Julai 2017) |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | (c) meminta kerjasama PTJ membuat semakan kendiri serta menyemak laporan penemuan audit lepas bagi memastikan penemuan audit yang sama tidak berulang. | **Semua TWP** | **<u>TWP FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN</u>**<br>Semakan Kendiri EMS telah dilaksanakan pd 5 – 7 Jun 2017;<br>Semakan Kendiri QMS telah dilaksanakan pd 19 – 21 Jun 2017<br><br>**<u>TWP IPSAS</u>**<br>Mengadakan semakan kendiri pada 19 – 21 Jun 2017.<br><br>**<u>TWP INSTITUT PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA</u>**<br>Audit Kendiri telah diadakan pada 4 Julai 2017.<br><br>**<u>TWP iDEC</u>**<br>iDEC telah laksanakan semakan kendiri pada 6-7 Julai 2017.<br><br>**<u>TWP PP (KOLEJ KEDIAMAN)</u>**<br>Semakan kendiri kolej-kolej telah dijalankan pada 13-16/6/17.<br><br>**<u>TWP PP (FAKULTI PERUBATAN VETERINAR)</u>**<br>Fakulti Perubatan Veterinar telah menjalankan Audit Kendiri selama empat hari pada 15hb. hingga 18 Mei 2017 ( Isnin hingga Khamis). |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
| --- | --- | --- | --- |
| **Minit 32.5** | **Laporan Objektif ISO UPM 2017 (QMS MS ISO 9001:2008, ISMS MS ISO/IEC 27001:2013 dan EMS MS ISO 14001:2004)**<br><br>(b) mengambil perhatian tindakan ke atas laporan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras, iaitu:<br><br>(i) Proses Sokongan: Membangunkan Modal Insan Terbaik – Pindaan Petunjuk Prestasi iaitu "Peratusan staf yang menghadiri latihan 3 hari setahun untuk staf bukan akademik" dan sasaran 2017 adalah sebanyak 100%. | **TWP Pejabat Pendaftar** | Tindakan telah diambil. Pengukuran bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 telah mengambilkira penetapan baharu. |
| | (ii) Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan: Jaringan Kerjasama Industri – semakan semula peratus pencapaian tahun 2016 iaitu 121.55% kerana jumlah peratusan yang disasarkan adalah sebanyak 5% menunjukkan perbezaan peratusan yang terlalu tinggi. | **TWP Pejabat TNC JINM** | Setelah disemak, terdapat kesalahan pengiraan peratusan bagi pencapaian tahun 2016.<br><br>i. Sasaran 2016 (S) = 2,650<br>ii. Jumlah keseluruhan jaringan industri (K) = 5,315<br>iii. Jumlah industri baharu (Q) = 3,221<br><br>Pengiraan;<br>= <u>Jumlah industri baharu didaftar (Q)</u> X 100%<br>Jumlah keseluruhan jaringan industri (K)<br>= <u>Q</u> = <u>3,221</u> x 100 %<br>K 5,315<br><br>= 60.6 % |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian berhubung:<br><br>(ii) tindakan berkongsi maklumat ini (Objektif ISO UPM 2017) kepada ahli PTJ mengikut kesesuaian PTJ masing-masing; dan | **Semua TWP PP dan PTJ** | **<u>TWP FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN</u>**<br>Disampaikan dalam Mesy. JK Pengurusan Bil.9/2017 pada 3 Mei 2017; dalam Mesy. JK Penyelaras Kualiti Fakulti Bil.1/2017 pada 4 Mei 2017.<br><br>**<u>TWP FAKULTI KEJURUTERAAN</u>**<br>Edaran melalui kad kecil serta poster di kawasan yang bersesuaian berkaitan objektif dan dasar kualiti.<br><br>**<u>TWP PP (KOLEJ KEDIAMAN)</u>**<br>Telah ambil tindakan.<br><br>**<u>TWP IPSAS</u>**<br>i. Telah berkongsi maklumat dengan semua staf melalui email rasmi IPSAS.<br>ii. Memberikan Taklimat dan *Awareness* Pelaksanaan SPK: Peralihan daripada ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 kepada semua staf IPSAS. 6 Julai 2017.<br><br>**<u>TWP INSTITUT PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA</u>**<br>Telah diemail dan kad kecil (daripada CQA) telah diedarkan kepada semua staf institut. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | | | **TWP iDEC**<br>Hebahan telah dibuat kepada semua staf iDEC pada 3 Julai 2017.<br><br>**TWP PP (FAKULTI PERUBATAN VETERINAR)**<br>Telah dihebahkan melalui email kepada semua warga fakulti pada 17 Mei 2017 dan dihebahkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti pada 25 Mei 2017 dan Mesyuarat Jemaah Fakulti pada 21 Jun 2017. |
| | (iii) mengambil tindakan berkaitan secara berterusan agar objektif yang disasar ini (berkenaan dengan PTJ masing-masing) dapat sama-sama dicapai. | **Semua TWP PP** | **TWP PP (KOLEJ KEDIAMAN)**<br>Telah ambil tindakan. |
| **Minit 32.7** | **Cadangan Pelaksanaan Maklumbalas Pemegang Taruh ISMS Tahun 2017**<br><br>(b) mengambil perhatian pelaksanaan soal selidik secara atas talian bagi pelajar baharu prasiswazah yang mendaftar di Kampus Serdang dan Bintulu semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi Pengajian 2017/2018 adalah di bawah tanggungjawab Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Timbalan Wakil Pengurusan, Pejabat Timbalan Naib Cancelor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)). Mesyuarat meminta Peneraju Proses menyediakan kertas cadangan berhubung pelaksanaan kajian ini. | **TWP TNC HEPA** | BHEP akan menyediakan soalan soal selidik dan diserahkan kepada Ketua Zon ICT untuk tindakan seterusnya untuk diselaraskan oleh pihak IDEC sebelum dilaksanakan dalam ISMS. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **Minit 32.8** | **Laporan Cadangan Pelaksanaan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Tahun 2017**<br><br>(b) mengambil perhatian cadangan pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat tahun 2017 akan dilaksanakan selepas semakan penilaian risiko pada April 2017. | **TWP ISMS** | Laporan pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat tahun 2017 (penilaian risiko April 2017) telah dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Keempat (Khas) pada 3 Mei 2017. |
| | (c) meminta Peneraju Proses ISMS yang terlibat mengambil perhatian dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. | **Peneraju ISMS** | Pemantauan mengenai penyediaan perlindungan dan kawalan pelan pemulihan risiko dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS. |
| **Minit 32.9** | **Cadangan Pelaksanaan Penilaian Pematuhan Undang-Undang EMS Tahun 2017**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(c) mengambil perhatian pelaksanaan penilaian kepatuhan tahun 2017 merujuk kepada carta perbatuan dan fasa penilaian yang telah dipersetujui oleh JKPK UPM. | **TWP EMS** | Penilaian kepatuhan bagi fasa 1 dan 2 tahun 2017 telah dilaksanakan pada 1 Jun 2017. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **Minit 32.10** | **Daftar Aspek Impak EMS Tahun 2017** | | |
| | (c) mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 yang perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS. Mesyuarat meminta TWP memanjangkan maklumat berkaitan kepada staf di PTJ masing-masing. | **Semua TWP berkaitan** | **TWP PP (FAKULTI PERUBATAN VETERINAR)**<br>Telah dihebahkan kepada semua warga Fakulti Perubatan Veterinar melalui emai pada 25 Julai 2017. |
| | (d) mengambil perhatian Objektif EMS akan disemak semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EMS pada 27 April 2017 berdasarkan penilaian aspek impak EMS terkini. | **TWP EMS** | Objektif EMS bagi tahun 2017 telah dipersetujui dan akan dibawa ke Mesyuarat JK Kualiti Kali ke-35 untuk tujuan kelulusan. |
| **Minit 32.11** | **Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Tahun 2017** | | |
| | (d) mengambil perhatian Peneraju anugerah/hadiah akan menamakan keahlian jawatankuasa kecil melibatkan PTJ lain supaya keputusan penilaian adalah lebih telus. | **CQA (Urus setia HKIP UPM)** | Tindakan telah dilaksana. Penamaan JK Kecil bagi Anugerah/Hadiah yang diterima daripada peneraju telah dikeluarkan surat lantikan oleh pihak CQA. |
| | (f) mengambil perhatian Jawatankuasa Pengisian Majlis HKIP akan membuat perbincangan bagi cadangan pengisian majlis HKIP tahun 2017. | **CQA (Urus setia HKIP UPM)** | Perbincangan Pengisian Majlis HKIP kali pertama telah diadakan pada 2 Jun 2017 melibatkan wakil Pejabat Pendaftar dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM. |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **Minit 32.12** | **Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2017**<br><br>(e) mengambil perhatian senarai PTJ yang akan dinilai di bawah Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran tahun 2017. Mesyuarat meminta PTJ memberi maklumbalas sekiranya terdapat PTJ yang tidak tersenarai. | **Semua TWP** | **TWP FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**<br>Dalam Senarai<br><br>**TWP FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN**<br>Telah dimaklumkan dalam:<br>i. Mesy. JK Pengurusan Fakulti Bil. 9/2017 pada 3 Mei 2017;<br>ii. Mesy. JK Penyelaras Kualiti Fakulti Bil.1/2017 pada 4 Mei 2017;<br>iii. emel kepada semua staf 8 Mei 2017;<br>iv. surat kepada semua staf 30 Mei 2017.<br><br>**TWP FAKULTI KEJURUTERAAN**<br>Tersenarai seperti tahun lepas.<br><br>**TWP INSTITUT PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA**<br>Diambil maklum |